



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/09/62 (HQ)

METER PINTAR DIPERLUAS KE KUALA LUMPUR, SELANGOR DAN PUTRAJAYA/CYBERJAYA

Pemasangan meter pintar akan diperluaskan ke Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya/Cyberjaya sebelum hujung tahun ini di bawah fasa kedua projek pemasangan meter pintar di Semenanjung Malaysia.

Pemasangan meter pintar ini adalah bagi menyokong hasrat kerajaan ke arah era pendigitalan di bawah Revolusi Industri 4.0. Ia memudahkan pengguna memantau penggunaan elektrik mereka dan merancang penggunaan elektrik ke arah penjimatan.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Noor Afifah Abdul Razak, salah satu manfaat pemasangan meter pintar ialah ia dapat membantu pengguna untuk merancang penggunaan elektrik mereka dengan lebih bijak, selain berupaya mengurangkan pembaziran tenaga.

Apabila skim Estimated Time of Use (EToU) diperkenalkan pada 2021, pengguna akan dapat menjimatkan lagi bil elektrik mereka dengan menggunakan elektrik pada tarif lebih rendah di luar waktu puncak.

Berucap di sesi taklimat media mengenai meter pintar di sini hari ini, beliau berkata dengan terbukanya sektor retail industri tenaga di bawah Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI) 2.0, meter pintar membolehkan pengguna memilih retailer of choice mereka.

Pengarah Operasi Industri, Suruhanjaya Tenaga, Ir. Roslee Esman berkata, sebanyak 1.2 juta meter pintar akan dipasang di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya/Cyberjaya, berbanding 340,000 yang sedang dipasang di Melaka.

Pemasangan meter pintar di empat lagi negeri atau kawasan iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya/Cyberjaya adalah dibawah fasa kedua bagi kawasan semenanjung Malaysia.

“Pemasangan meter pintar membolehkan pengguna memantau penggunaan elektrik dengan lebih tepat, sekaligus memudahkan mereka mengubah corak dan pola penggunaan elektrik. Meter Pintar yang dipasang di Malaysia juga memenuhi standard piawaian antarabangsa,” ujarnya juga.

Pengarah Projek AMI, Ir. Mohamed Ghaus Ahmad pula berkata, “TNB sebagai agensi pelaksana pemasangan meter pintar telah mengadakan perjumpaan dengan persatuan penduduk, pihak berkuasa tempatan, persatuan pengguna dan pihak berkepentingan yang lain sebagai persediaan pemasangan meter pintar fasa kedua.”

Menurut beliau, setakat ini, lebih 270,000 meter pintar telah pun dipasang di Melaka dan lebih 70,000 lagi pengguna akan menggunakan meter pintar tidak lama lagi.

Pemasangan meter pintar di Melaka bermula pada 2018 selepas kejayaan projek rintis meter pintar (2014 – 2016) melibatkan 1,000 pengguna di Melaka dan Putrajaya.

Sementara itu, wakil Pengarah Wireless Communications Center, Universiti Teknologi Malaysia, Chua Tien Han memaklumkan bahawa meter pintar menggunakan gelombang Frekuensi Radio (RF) 2.4 GHz yang sama digunakan oleh telefon tanpa wayar (cordless telephone), alat pemantau bayi (baby monitoring device), WiFi rumah dan sesetengah penggera keselamatan kenderaan.

Gelombang elektromagnetik yang dihasilkan meter pintar adalah pada tahap yang selamat untuk kesihatan. Menurut World Health Organisation (WHO), pendedahan kepada medan RF yang membawa kesan kepada kesihatan adalah melebihi 10 GHz pada bacaan 1,000 watt setiap meter persegi (WM2).

Tien Han berkata, gelombang EMF meter pintar adalah jenis tidak mengion dan hanya pada 0.1 mikrowatt setiap sentimeter persegi. Ia juga adalah jauh lebih rendah daripada ketuhar gelombang mikro dan telefon bimbit yang masing-masing menghasilkan gelombang sejumlah 1,000 dan 10,000 mikrowatt per sentimeter persegi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 September 2019 jam 10.00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary at 019-3369681) /
Grace Tan at 016-6626229 / Muhammad Nasiruddin Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*